

24 JUL 1996

Mahathir-Terbang

PM MAHU PEMILIK LAPANGAN TERBANG LAKSANA SISTEM LEBIH BAIK

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemilik dan pengendali lapangan terbang perlu berusaha untuk menyediakan sistem lapangan terbang yang lebih efisien, mudah dan mesra kepada pengguna.

Ini ialah kerana lapangan terbang merupakan hubungan penting dalam rangkaian perjalanan dunia, katanya.

"Memandangkan pengguna lapangan terbang kini lebih terbuka dalam pandangan mereka dan lebih mendesak, tidak dapat dielakkan bagi pemilik dan pengendali lapangan terbang terutama dalam keadaan persiangan yang meningkat supaya berusaha menyediakan sistem yang terbaik."

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusannya dalam buka cenderamata Pameran Antarabangsa Lapangan Terbang (AIRPORTEX '96) di sini. Pameran empat hari itu bermula esok di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat.

Perdana Menteri berkata pameran seumpama itu yang mempamerkan teknologi terbaru dalam pembangunan, sistem dan pengendalian lapangan terbang adalah tepat pada waktunya.

Ini, katanya kerana dunia penerbangan, terutama di rantau Asia Pasifik, sedang menyaksikan pembinaan lapangan terbang secara besar-besaran yang meluas.

"Malaysia berbangga dapat menjadi gelanggang satu lagi pameran antarabangsa yang mencerminkan ketegasan negara untuk seiring dengan teknologi terbaru dunia bukan sahaja dalam industri penerbangan dan ruang angkasa tetapi juga dalam perkembangan ekonomi lain," katanya.

Dr Mahathir berkata pameran itu akan juga membolehkan interaksi antara pemilik, pengendali dan pembekal teknologi terbaru dalam sistem dan pengendalian lapangan terbang.

"Ia juga akan membolehkan kalangan profesional dan pakar industri penerbangan bertukar-tukar pandangan dan idea serta berkongsi pengalaman," katanya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dalam perutusannya berkata industri ruang angkasa merupakan salah satu bidang penting dalam usaha negara menuju ke arah taraf negara maju.

Katanya Malaysia komited dalam usahanya untuk menikmati bahagiannya dalam pasaran angkasa antarabangsa.

"Walaupun pasaran itu melibatkan risiko tinggi dan modal intensif, sektor angkasa menawarkan peluang luas bagi memindah teknologi maju dalam bidang seperti elektronik dan kejuruteraan," katanya.

Dr Ling berkata dengan negara-negara di rantau sebelah sini kini membina projek lapangan terbang besar-besaran, tentunya ia satu cabaran kepada kemajuan teknologi lapangan terbang.

"Negara-negara itu menyedari betapa pentingnya lapangan terbang dalam pembangunan ekonomi kebangsaan dan tentunya mereka menghendaki teknologi dan sistem pengendalian lapangan terbang yang terkini," katanya.

Sebanyak 110 buah syarikat dari 17 negara menyertai pameran itu dan tuan rumah, Malaysia diwakili 57 syarikat. Negara utama lain ialah Jerman dan Britain yang masing-masing diwakili 13 syarikat.

Satu persidangan antarabangsa mengenai lapangan terbang juga akan diadakan selama dua hari sempena pameran itu.

-- BERNAMA

ZAA AHH